

LKIM naik taraf hidup nelayan

1/11/2021 ms: 5 SIKAR HARIAN

Kesejahteraan golongan itu diutamakan menerusi pelaksanaan PKPN

Meniti usia 50 tahun, kewujudan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dilihat sebagai sebahagian daripada sejarah penting industri perikanan negara. Ia bertitik tolak kepada usaha meningkatkan taraf hidup dan kedudukan sosioekonomi nelayan sehingga menjadikannya agensi yang komited memperjuangkan kemajuan sosial dan ekonomi golongan ini.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, walaupun berdepan pelbagai cabaran, LKIM sejak penubuhannya pada 1 November 1971 telah berusaha keras meningkatkan pendapatan nelayan dan menjaga kesejahteraan golongan ini, sekali gus memperkembang dan memajukan sektor perikanan negara secara keseluruhannya.

“Kejayaan LKIM dalam pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan produktivi tangkapan hasil laut telah banyak membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan dari semasa ke semasa.

“Sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan diperkembangkan menerusi pelbagai bidang di keseluruhan rantaian perikanan seperti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, aktiviti perdagangan serta industri hiliran,” katanya dalam ucapan sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM.

Beliau berkata, ia selari dengan hasrat MAFI bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara.

Oleh itu katanya, pelbagai lagi program dan pendekatan baharu akan dirangka bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan ikan negara mencukupi serta memenuhi piawaian.

Jelasnya, usaha pembangunan sektor perikanan akan terus diberi perhatian serius



Perumahan nelayan dinaik taraf sebagai satu agenda kesejahteraan golongan itu.



Pelbagai projek beri tumpuan untuk meningkatkan sosioekonomi golongan nelayan menerusi projek akuakultur dan tanaman kontan.



RONALD KIANDÉE

Sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan diperkembangkan menerusi pelbagai bidang di keseluruhan rantaian perikanan seperti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, aktiviti perdagangan serta industri hiliran.”

oleh MAFI di samping mengalu-alukan usaha transformasi dalam sektor ini bagi memastikan pembangunan perikanan yang berterusan selaras dengan hasrat untuk menjayakan agenda Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara.

Inisiatif LKIM

LKIM sebagai sebuah agensi di bawah MAFI telah diberi tanggungjawab untuk meningkatkan taraf sosioekonomi kehidupan nelayan dan memajukan industri perikanan negara.

LKIM komited dalam memastikan segala aspek keperluan nelayan dipenuhi, termasuklah aspek persekitaran dan tempat tinggal.

Jika sebelum ini nelayan tinggal di rumah yang usang dan uzur, kini rata-rata mereka tinggal di kediaman yang selesa dan kondusif hasil usaha LKIM menerusi pelbagai inisiatif dan program yang diperkenalkan.

Di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) misalnya, usaha meningkatkan taraf hidup nelayan diperkasakan menerusi inisiatif baik pulih rumah, membina rumah baharu selain mewujudkan penempatan semula nelayan dengan prasarana dan kelengkapan infrastruktur asas supaya mereka menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.



Kediaman yang selesa dan kondusif menerusi program Penempatan Semula Nelayan.



Pasar nelayan yang lengkap dan teratur di Teluk Kemang, Port Dickson.

Tiga komponen utama Projek Khas Perumahan Nelayan:

Baik Pulih Rumah Nelayan

- Kadar maksimum untuk baik pulih adalah RM13,000/unit (Semenanjung Malaysia) dan RM15,000/unit (Sabah/Sarawak/Labuan).
- Tambahan maksimum RM2,000/unit (Semenanjung Malaysia) dan RM3,000/unit (Sabah/Sarawak/Labuan) dipertimbangkan bagi kawasan pulau tanpa kemudahan pengangkutan yang sempurna.

Bina Baharu Rumah Nelayan

- Kadar maksimum untuk bina baharu adalah RM56,000/unit (Semenanjung Malaysia) dan RM68,000/unit (Sabah/Sarawak/Labuan).
- Tambahan maksimum 10 peratus boleh dipertimbangkan bagi kawasan pulau tanpa kemudahan pengangkutan yang sempurna.

Penempatan Semula Nelayan (PSN)

- Menumpukan kepada pembangunan penempatan semula nelayan dengan prasarana asas yang selesa.
- Antara PSN yang telah siap dan didiami adalah PSN Tok Bali di Kelantan, PSN Tanjung Dawai di Kedah, PSN Teluk Baharu, Pulau Pangkor di Perak, PSN Bunut Rendang di Pahang dan PSN Semop, Mukah di Sarawak.